



GARIS PANDUAN INDUSTRI PENGIKLANAN PRODUK PELANGSING TUBUH BADAN DAN PERKHIDMATAN

**Panduan untuk industri komunikasi dan multimedia
mengenai kandungan rangkaian elektronik di Malaysia**

Salinan tambahan boleh didapati di:
<http://www.cmcf.my/>

FORUM KANDUNGAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA (CMCF)

Pejabat Eksekutif

Unit 1206, Block B, Pusat Dagangan Phileo Damansara 1

No. 9, Jalan 16/11, Seksyen 16

Petaling Jaya. 46350

Selangor Darul Ehsan

MALAYSIA

(Tel) +603 – 79548105 / (Faks) +603 – 79541260

Talian Bebas: 1-800-88-CMCF (2623)

Tarikh Keluaran: 25 Januari 2016

PENGENALAN

Garis panduan ini telah dilancarkan oleh Forum Kandungan Komunikasi dan Multimedia Malaysia (CMCF) khusus untuk membantu pengawal industri yang berhasrat untuk mewujudkan, membina, menghasil, menyebarkan dan mengedarkan sebarang bentuk iklan tetapi tidak terhad kepada mana-mana bentuk penyiaran, muat naik atau menyediakan kandungan yang termasuk dalam pengertian rangkaian media elektronik berangkai seperti yang ditakrifkan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (atau pindaan yang berkenaan).

Panduan CMCF, termasuk garis panduan ini, tidak mewujudkan sebarang pelaksanaan tanggungjawab undang-undang. Sebaliknya, ia adalah pemahaman semasa daripada pihak CMCF berkaitan topik berkenaan dan boleh dilihat sebagai cadangan, kecuali sekiranya terdapat sebarang peraturan atau undang-undang tertentu dirujuk.

1.0 LATAR BELAKANG

- 1.1 Bahagian 3 Kod Kandungan Komunikasi dan Multimedia Malaysia (Kod Kandungan) diwujudkan berdasarkan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (AKM '98) berkenaan iklan. Perenggan 4.0 adalah berkaitan dengan garis panduan khusus kepada penyediaan iklan tertentu.
- 1.2 Perenggan 4.1, sub-seksyen (xviii) (g) mengenakan larangan terhadap produk pelangsing tubuh badan sama ada dimakan atau disapukan dan oleh itu ia dianggap sebagai produk yang tidak boleh diterima untuk tujuan pengiklanan.
- 1.3 Untuk tujuan garis panduan ini, semua produk pelangsing tubuh badan dan perkhidmatan yang disenaraikan di dalam garis panduan ini turut termasuk tetapi tidak terhad kepada produk yang bertujuan untuk produk pelengkap diet, sama ada diambil melalui mulut dalam bentuk pil, kapsul, tablet, cecair atau serbuk dan ia tidak dianggap sebagai makanan konvensional.
- 1.4 Dalam usaha untuk mengurangkan kekeliruan dan ketidakpastian, garis panduan ini dihasilkan sebagai rujukan untuk membantu pengamal industri dalam menguruskan sebarang hal-hal yang berkaitan dengan iklan produk pelangsing tubuh badan.

2.0 GARIS PANDUAN IKLAN PELANGSING TUBUH BADAN

2.1. Sesetengah orang awam amat sensitif terhadap isu berkenaan perkara-perkara yang berkaitan dengan pelangsing tubuh badan, penurunan berat badan dan menangani obesiti. Mengurangkan pengambilan kalori yang diperlukan oleh tubuh badan merupakan satu-satunya langkah untuk mengurangkan berat badan dan melangsingkan tubuh badan. Pelan diet yang disokong oleh fakta perubatan atau senaman sahaja boleh membawa kepada pengurangan lemak badan dan penurunan berat badan. Dakwaan mengenai produk pelangsing tubuh badan dan perkhidmatan yang dapat menurunkan berat badan melalui cara lain tidak boleh diterima melainkan jika ia mematuhi syarat-syarat yang dinyatakan seperti di bawah:

2.1.1 Produk

(a) Ubat-ubatan

(i) Vitamin

(a) Vitamin / mineral tambahan boleh diiklankan untuk melindungi diri daripada kekurangan zat sewaktu mengamalkan diet yang tidak seimbang tetapi perlu dijelaskan bahawa ia tidak membantu kepada pengurangan berat badan.

(ii) Sebarang vitamin / mineral tambahan yang berdaftar dengan Kementerian Kesihatan Malaysia perlu mendapat kelulusan daripada Lembaga Iklan Ubat, Kementerian Kesihatan Malaysia sebelum diiklankan.

(b) Makanan

(i) Pelan Diet

(a) Pelan diet perlu mempunyai jumlah karbohidrat, protein, lemak, vitamin dan mineral yang mencukupi menurut Cadangan Pengambilan Nutrisi Malaysia (RNI), 2005. Produk perlu mencapai keputusan seperti yang didakwa dengan bersertakan petunjuk berdasarkan kategori pengguna yang sesuai dengan produk tersebut.

- (b) Tiada dakwaan boleh dibuat sama ada secara langsung atau tidak langsung di dalam iklan untuk diet yang mengandungi mana-mana bahan yang dengan sendirinya boleh mempercepatkan proses penurunan berat badan.
- (ii) Bantuan Diet
 - (a) Bantuan diet seperti makanan, pengganti makanan, atau pengekang selera makan atau gantian hidangan, tidak boleh diiklankan kecuali jika diperjelaskan bahawa ia hanya akan berkesan sekiranya diambil bersama-sama dengan atau sebagai sebahagian daripada diet yang mengawal kalori. Perhatian sewajarnya harus diberi kepada peranan yang dimainkan oleh diet.
 - (b) Sebarang diet yang disediakan bersama-sama bantuan diet, sama ada pada bungkusan, dalam iklan atau lain-lainnya, perlu mematuhi cadangan yang diberikan terhadap pelan diet, dan segala butiran mengenai diet yang dicadangkan perlu dinyatakan.
 - (c) Jika dakwaan yang dibuat di dalam iklan atau pada label menyatakan bahawa apa-apa makanan membantu pelangsingan badan – suatu kenyataan harus disertakan bahawa makanan tidak boleh membantu melangsingkan badan kecuali sebagai sebahagian daripada diet dimana jumlah pengambilan kalori dapat dikawal.
- (iii) Makanan yang ditawarkan sebagai bantuan diet perlu disertakan dengan kenyataan kuantitatif berkaitan bahan yang terkandung di dalamnya di mana dakwaan tentang sebarang kesesuaian khas dibuat. Ia tidak membayangkan bahawa produk-produk tersebut berkesan jika dimakan sebagai tambahan atau sebagai ganti kepada hidangan harian.

(c) Peranti Perubatan

(i) Pakaian

- (a) Tiada tanggapan atau cadangan sama ada pada salinan atau ilustrasi yang mungkin menyebabkan pembeli untuk beranggapan bahawa korset atau produk yang berkaitan dengannya dapat menyumbang kepada penurunan berat badan atau kelangsingan sebenar. Tiada sebarang cadangan bahawa produk tersebut memberikan apa-apa kesan kekal terhadap bentuk fizikal setanding dengan kaedah senaman.

(d) Perkhidmatan dan Pendekatan lain

(i) Senaman

- (a) Produk yang berasaskan senaman tidak boleh mendakwa ia membawa kepada penurunan berat badan atau pelangsingan tubuh badan. Panduan diet atau bantuan diet yang disertakan bersama dengan senaman atau bantuan yang lain tidak boleh dijadikan sebagai sebarang asas untuk membenarkan dakwaan penurunan berat badan dibuat. Dakwaan mengenai perubahan dramatik dalam tempoh masa yang singkat juga tidak dibenarkan.
- (b) Program senaman mungkin mengakibatkan perubahan yang berpotensi untuk memberi kesan kepada kesihatan pengguna, nasihat untuk mendapat pemeriksaan doktor perlu disertakan sebelum cadangan senaman dilaksanakan.
- (c) Jika nama produk itu sendiri, atau pengeluar, mengandungi perkataan 'langsing', sama ada bersendirian atau di dalam bentuk gabungan, perhatian khusus perlu diambil kira untuk mengelakkan sebarang salah faham dengan saranan keupayaan mengurangkan berat badan.

- (ii) Lain-lain
 - (a) Kelab Pelangsing Tubuh Badan yang memberi sokongan daripada segi psikologi bagi mereka yang menghadapi masalah untuk mengamalkan diet. Iklan tersebut diterima dengan syarat bahawa ia tidak membuat sebarang dakwaan yang tidak konsisten dengan saranan seperti yang terkandung di dalam Kod Kandungan atau di dalam garis panduan ini.
 - (b) Klinik & Bengkel yang menawarkan rawatan atau cadangan yang bertujuan untuk mencapai penurunan berat badan atau kawalan bentuk badan. Sebarang dakwaan yang dibuat perlu mematuhi saranan yang diberikan di dalam garis panduan ini.
- (iii) Sebarang perkhidmatan yang termasuk di dalam garis panduan ini tertakluk kepada Akta-akta Parlimen yang berkaitan di bawah pihak berkuasa yang berkaitan. Para pengamal perlu sedar dan dalam masa yang sama dinasihatkan untuk mempunyai sumber dan kepakaran yang mencukupi bagi memastikan kepatuhan apabila perlu. (Lihat Lampiran I)

2.1.2 Dakwaan Yang Tidak Dapat Diterima

(a) Makan secara tidak terhad

- (i) Tiada produk 'penurunan berat badan' yang boleh membuat dakwaan seperti 'Makan seberapa banyak yang anda mahu', 'Makan, makan, makan!', 'Makan dan terus langsing' atau apa-apa seumpamanya yang cenderung untuk mengubah penekanan utama iaitu mengekalkan keseimbangan kawalan kalori diet.

(b) Dakwaan Tertentu

- (i) Dakwaan dalam bentuk (anda akan kehilangan 'x' kilogram atau 'y' sentimeter, anda boleh kelihatan 'x' kilogram lebih ringan) tidak boleh diterima. Dakwaan yang sama dalam bentuk (anda boleh melangsingkan tubuh badan dalam 'x' hari, bagaimana untuk

melangsingkan tubuh badan dalam masa kurang daripada 'x' minggu, kehilangan 'x' sentimeter serta merta) juga tidak boleh diterima.

- (ii) Dakwaan tertentu mengenai individu telah “hilang sejumlah berat dan ukuran inci tertentu” tidak boleh dibuat tanpa kebenaran daripada individu yang berkenaan, tempoh masa keberkesanan juga harus dinyatakan dan tidak berdasarkan semata-mata pengalaman individu tersebut.
- (iii) Dalam kes ilustrasi 'sebelum dan selepas', perbandingan yang adil perlu dibuat. Dalam dakwaan kawalan bentuk tubuh, keputusan pada pelbagai bahagian anatomi tidak boleh diagregatkan, tetapi harus didedahkan secara berasingan.

(c) Keterlaluan

- (i) Tiada cadangan dalam memberi kaedah "tidak akan gagal, pasti berhasil" harus diberikan. Oleh kerana setiap individu mempunyai kelainan dari segi berat badan, bentuk tubuh badan, keadaan fizikal serta dalam persediaan psikologi, maka yang paling baik yang boleh didakwa bagi apa-apa kaedah itu adalah kebarangkalian tinggi untuk berjaya.

2.1.3 Iklan Yang Tidak Boleh Diterima

- (i) Mesin atau alat penggetar termasuk perangsang otot dan saraf elektrik.
- (ii) Pakaian boleh kembung.
- (iii) Sauna dan mandian wap.
- (iv) Produk-produk yang berasaskan osmosis.
- (v) Pati mandian, sabun.
- (vi) Produk-produk yang mendakwa dapat meningkatkan kadar metabolisme badan.
- (vii) Diuretik, Julap.
- (viii) Hipnosis.
- (ix) Produk-produk yang mendakwa dapat “mengurangkan tompok” (iaitu dapat membuang lemak dari bahagian tubuh badan tertentu).

- (x) Produk-produk yang mendakwa dapat melangsingkan tubuh badan melalui penyingkiran 'selulit'.
- (xi) Tuam haba.
- (xii) Anti-Kemurungan.
- (xiii) Kosmetik seperti krim yang digunakan untuk melangsingkan tubuh badan.
- (xiv) Pelekat pelangsing tubuh badan.

2.1.4 Umum

- (i) Ia tidak akan dianggap sebagai mencukupi untuk mengiklankan mana-mana kategori produk sebagai berkesan untuk mengawal berat atau bentuk tubuh badan di mana pelan diet atau bantuan diet atau skim senaman atau rawatan yang ditawarkan kepada mereka.
- (ii) Semua asas dakwaan yang dibuat perlu berasaskan dalam bentuk pengesahan saintifik atau penyelidikan yang boleh dipercayai dan boleh diterima.
- (iii) Semua iklan yang berkaitan dengan garis panduan ini yang telah mendapat kelulusan oleh Lembaga Iklan Ubat, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKLIU) akan dikecualikan.
- (iv) Sebarang iklan yang melibatkan apa-apa yang termasuk di dalam definisi 'Peranti Perubatan' perlu mematuhi Seksyen 44 Akta Peranti Perubatan 2012 (Akta 737) di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Peranti Perubatan, Kementerian Kesihatan Malaysia.
- (v) Penggunaan mesin dan peranti dengan dakwaan perubatan, produk pelangsing tubuh badan dan amalan perubatan tradisional dan komplementari adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan yang sedia ada seperti yang ditetapkan oleh pihak berkuasa yang berkaitan di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia.

Lampiran 1

Senarai Akta dan Garis Panduan di Malaysia yang berkaitan dengan dokumen ini

Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 (Akta 586)
Private Healthcare Facilities and Services Act 1998 (Act 586)

Akta Peranti Perubatan 2012 (Akta 737)
Medical Device Act 2012 (Act 737)

Garis Panduan Amalan Klinikal dalam Pengurusan Obesiti 2004
Clinical Practice Guideline on Management of Obesity 2004

Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956
Medicine (Advertisement and Sale) Act 1956

Akta Racun 1952
Poison Act 1952

Akta Jualan Dadah 1952 (Disemak 1989)
Sales of Drugs Act 1952 (Revised 1989)

Akta Makanan 1983
Food Act 1983

Peraturan-Peraturan Makanan 1985
Food Regulations 1985

Cadangan Pengambilan Nutrisi Malaysia 2005
Recommended Nutrient Intakes for Malaysia 2005

Akta Perubatan Tradisional dan Komplimentari 2013
Traditional and Complementary Medicine Act 2013

Akta Dadah Berbahaya 1952
Dangerous Drugs Act 1952

Panduan Diet Malaysia 2010
Malaysian Dietary Guidelines 2010